

MRT pilihan terbaik penduduk bandar

KETIKA zaman sekolah menengah dahulu, hanya bas Sri Jaya diikuti Intrakota penulis naiki untuk ke ibu kota atau

jika mahu pulang ke asrama. Penulis tinggal di Kampung Sungai Kayu Ara, Damansara dan bersekolah di Klang, Selangor. Namun kini, perkembangan sistem pengangkutan awam darat begitu membanggakan terutama selepas Projek Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) Fasa Kedua dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin.

Mana tidaknya, sebelum ini penduduk di Petaling Jaya Utara iaitu dari sekitar Kota Damansara sehingga Damansara mengalami kesesakan lalu lintas luar biasa disebabkan kerancakan projek pembinaan di kawasan tersebut selain bilangan penduduk yang semakin bertambah.

Namun, selepas projek MRT ini dijalankan, ia sedikit melegakan berikutan orang ramai terutama mereka yang bekerja di kawasan sekitar mempunyai alternatif untuk menaiki pengangkutan tersebut.

Projek MRT sepanjang 51 kilometer itu mempunyai 31 buah stesen yang melibatkan dua fasa pembinaan iaitu fasa pertama melibatkan 12 buah stesen dari Sungai Buloh ke Semantan yang memulakan operasi pada 16 Disember 2016 manakala baki 19 buah stesen pada fasa kedua bagi laluan Semantan ke Kajang bermula Isnin lepas.

Menariknya MRT Fasa Kedua itu adalah tujuh buah stesen bawah tanah iaitu stesen Pasar Seni, Muzium Negara, Bukit Bintang, Cochrane, Merdeka, Tun Razak Exchange dan Maluri mempunyai lukisan dinding berbeza yang mampu membangkitkan suasana ceria untuk penumpang berswafoto.

Pengarah Pusat Geotropik Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Edy Tonnizam Mohamad berkata, pengangkutan awam yang efisien bagi kawasan berkepadatan tinggi adalah yang menggunakan rel seperti kereta api, sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan MRT.

Menurut Edy Tonnizam, di negara maju seperti London, United Kingdom dan Singapura, MRT sudah lama digunakan dan ia turut dibina berhampiran kawasan perumahan yang membolehkan orang ramai berjalan kaki ke stesen sekali gus menjimatkan wang.

“Pengangkutan awam yang cekap adalah yang menggunakan rel. Perkhidmatan bas dan teksi juga cekap tetapi pengangkutan rel lebih menjimatkan masa dan selesa.

“Jadi, memanglah rel merupakan satu alternatif yang kita cari tetapi disebabkan kepadatan pembangunan di sesuatu kawasan, kita perlu menebuk lubang dan membuat terowong untuk rel bawah tanah.

“Saya lihat di sesetengah tempat yang sibuk sangat memerlukan pengangkutan awam seperti LRT dan MRT bagi mengurangkan kesesakan dan boleh menjimatkan perbelanjaan,” katanya.

Mengulas lanjut, Edy Tonnizam turut memuji langkah kerajaan Pusat menjayakan projek MRT tersebut kerana kata beliau, ia me-



Di Sebalik Isu Panas
Bersama NORHAYATI YAHAYA

“Pengangkutan awam yang cekap adalah yang menggunakan rel. Perkhidmatan bas dan teksi juga cekap tetapi pengangkutan rel lebih menjimatkan masa dan selesa

rupakan satu langkah penyelesaian bagi membolehkan orang ramai pergi dan pulang bekerja dengan selesa.

“Apabila bertambah tahun maka akan makin bertambah

bilangan kenderaan di jalan raya. Jadi kesesakan lalu lintas itu tidak boleh hendak kita elak terutama apabila ada kawasan perumahan yang dibina bertumpu di satu tempat tetapi kesemua kawasan itu pula hanya mempunyai satu jalan utama.

“Selain kawasan Lembah Klang, saya juga mencadangkan agar kawasan berkepadatan tinggi dan mengalami kesesakan lalu lintas

seperti Ulu Tiram ke Johor Bahru turut dibina projek MRT,” ujarnya.

Pakar Psikologi Trafik, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Rozmi Ismail memberitahu, negara kita telah pun bergerak ke arah negara maju dan pada kebiasaannya, negara maju ini mesti mempunyai sistem pengangkutan awam yang hebat seperti Jepun dan negara-negara Eropah.

Ujar beliau, walaupun negara kita masih jauh untuk menjadi negara maju tetapi inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan itu seharusnya dipuji.

“Negara kita telah pun bergerak ke arah negara maju. Biasanya di negara maju sistem pengangkutan awam mereka memang hebat. Kita masih jauh tetapi inisiatif itu bagus,” katanya.

Bagi memastikan MRT menjadi pilihan orang ramai, Rozmi memberikan beberapa cadangan supaya syarikat yang mengendalikan perkhidmatan itu terus dapat menyediakan perkhidmatan yang efisien.

“Kita perlu mendidik orang ramai menggunakan perkhidmatan yang disediakan kerana mentaliti orang kita adalah mereka tidak mahu susah. Kalau boleh mereka mahu MRT itu berhenti depan rumah. Atas sebab itu, kita kena didik mereka. Keduanya sistem pengangkutan itu sendiri perlu cekap dan lebih kerap selain mengikut masa yang dijadualkan,” katanya.

Selain itu, tambahnya, tambang yang dikenakan jangan terlalu mahal. Jika ada masalah teknikal, ambil tindakan segera. Pastikan ia tidak kerap berulang kerana akan menyebabkan orang ramai kurang percaya dengan perkhidmatan tersebut.

“Pengguna adalah raja dan mereka perlu dijaga jika tidak mahu syarikat itu ‘mati,’” katanya lagi.